

PENENTUAN TEMPOH PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU KLASIK: SATU KAJIAN TINJAUAN

Zurina binti Abdullah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Penulisan ini merupakan perbincangan bersifat tinjauan terhadap penentuan tempoh perkembangan Bahasa Melayu Klasik (BMK). Berdasarkan tinjauan awal, terdapat beberapa pendapat daripada sarjana bahasa tentang perkembangan BMK antaranya menurut Asmah (2008), BMK bermula dari abad ke-13 hingga abad ke-17, manakala Awang Sariyan (1998) berpendapat BMK bermula pada abad ke-14 hingga abad ke-18. Bahasa ini mencapai zaman kegemilangannya semasa berada di bawah pemerintahan kerajaan Melayu Melaka, Aceh dan Johor Riau. Berdasarkan kajian-kajian lepas, pengkaji mengkategorikan bahan bukti atau manuskrip mengikut tahun penulisannya dihasilkan, iaitu sekitar abad ke-13 hingga ke-19 dan bukan melihat kepada ciri-ciri BMK. Terdapat sepuluh ciri umum BMK yang telah disepakati dan diterima oleh kebanyakan pengkaji bahkan ia telah dimasukkan dalam silibus pengajaran subjek Bahasa Melayu di peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan kursus Bahasa Kebangsaan di peringkat diploma dan ijazah bagi Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Justeru, melalui tinjauan terhadap perkembangan BMK, maka hasil tulisan ini akan membuktikan bahawa perkembangan BMK harus dikaji dan ditelusuri kembali bagi mendapatkan dapatan kajian yang lebih berpeda.

Kata Kunci: *Bahasa Melayu Klasik; tempoh perkembangan; ciri bahasa; manuskrip; tinjauan*

PENDAHULUAN

Sejarah bahasa Melayu telah berlaku hampir lima ribu tahun dahulu. Beberapa sarjana Eropah seperti Hendrik Kern dari Belanda dan Robert Van Heine dari Austria telah mengemukakan teori yang menyatakan bahawa bangsa Melayu berasal daripada kelompok keluarga bahasa Austronesia. Teori ini berpendapat bahawa masyarakat Melayu berasal dari Yunan, China, iaitu kelompok manusia yang berhijrah dan akhirnya menduduki beberapa wilayah di Asia Tenggara. Ahli-ahli bahasa telah membahagikan perkembangan bahasa Melayu kepada tiga tahap utama, iaitu bermula dengan bahasa Melayu kuno, bahasa Melayu klasik dan bahasa Melayu moden (Nik Safiah Karim et. all, 2010).

Kedatangan agama Hindu, Buddha, Islam dan penjajahan Eropah dalam tempoh yang agak lama telah memberi kesan perbezaan yang ketara terhadap ketiga-tiga zaman perkembangan bahasa Melayu. Bahasa Melayu kuno dipercayai dipengaruhi oleh bahasa Sanskrit dan agama Hindu yang kuat, manakala bahasa Melayu klasik dipengaruhi oleh

bahasa Arab dan agama Islam, dan bahasa Melayu moden pula banyak menerima pengaruh bahasa penjajah, iaitu bahasa Inggeris. Pengaruh tersebut juga turut memberi kesan terhadap perkembangan sistem tulisan dalam setiap zaman tersebut, iaitu pada zaman Melayu kuno menggunakan sistem tulisan dari India yang menggunakan aksara pallava, rencong dan devanagari, manakala zaman Melayu klasik menggunakan sistem tulisan jawi dan seterusnya pada zaman Melayu moden diperkenalkan pula kepada sistem tulisan rumi. Dalam menentukan perkembangan bahasa melalui tiga zaman ini, terdapat banyak perkara yang telah diteliti oleh pengkaji-pengkaji bahasa sejak dahulu sehingga kini. Justeru, tumpuan kajian ini hanya akan memfokuskan terhadap zaman bahasa Melayu klasik kerana tempoh perkembangan bahasa tersebut yang panjang dan masih terdapat isu yang menarik untuk diteliti secara lebih mendalam. Bahasa ini diasaskan sewaktu kewujudan kerajaan Islam pertama di sebelah Timur Aceh, iaitu kerajaan Samudera-Pasai di bawah pemerintahan Sultan Malikul Salih.

Kemunculan bahasa Melayu klasik juga telah dibuktikan dengan penemuan beberapa manuskrip Melayu lama yang berjumlah kira-kira 12,000 naskhah yang kebanyakannya tersimpan di 14 buah negara terutama di barat (Abdul Rashid dan Amat Juhari, 2005). Bahasa ini mencapai zaman kegemilangannya semasa berada di bawah pemerintahan kerajaan Melayu Melaka, Aceh dan Johor Riau. Biarpun sejarah telah membuktikan kewujudan bahasa Melayu klasik, namun masih timbul beberapa permasalahan yang masih belum mendapat jawapan yang berpeda melalui kajian-kajian sebelum ini. Justeru, kajian ini akan merungkai beberapa permasalahan (lihat 1.2) yang akan memberikan dapatan yang lebih berpeda untuk menyumbang kepada ilmu baharu dalam kajian bahasa Melayu.

BAHASA MELAYU KLASIK

Frasa asas terhadap bahasa Melayu klasik ialah perkataan klasik itu sendiri. Menurut definisi yang dikemukakan dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2010:798), klasik membawa maksud 1. Serius dan abadi nilainya; 2. Tertinggi mutunya dan menjadi standard kepada yang lain; 3. (pakaian, reka bentuk, dsb) yang mempunyai gaya yang sederhana dan tidak berubah mengikut masa; 4. Mempunyai ciri-ciri atau sifat-sifat yang lazim (tipikal). Berdasarkan definisi-definisi yang diberikan, dapat dilihat bahawa bahasa Melayu klasik adalah satu bahasa yang digambarkan mempunyai nilai serta kedudukan yang tinggi pada zamannya.

Antara ciri-ciri bahasa Melayu klasik seperti yang dinyatakan oleh ramai sarjana adalah seperti berikut:

- a. Penggunaan ayat yang panjang, berulang-ulang dan berbelit-belit.
- b. Mengandungi banyak ayat pasif dan ayat songsang.
- c. Menggunakan bahasa istana.
- d. Kerap menggunakan kosa kata klasik.
- e. Kerap menggunakan kata pangkal ayat misalnya arakian, sebermula, hatta, adapun dan sebagainya.
- f. Banyak menggunakan partikel 'lah' dan 'pun'.
- g. Telah menerima pelbagai jenis kosa kata Arab dan Parsi dalam pelbagai bidang bahasa.
- h. Turut menggunakan aksara Jawi yang dipinjam daripada Bahasa Arab yang telah ditambah dengan beberapa huruf tambahan.

- i. Frasa dan ayatnya banyak menerima pengaruh daripada Bahasa Arab terutamanya dalam kitab-kitab Melayu klasik hasil daripada terjemahan teks-teks Arab.
- j. Wujud unsur-unsur falsafah Islam dalam banyak penulisan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian terhadap bahasa Melayu klasik telah banyak mendapat perhatian dan dilakukan oleh pengkaji-pengkaji bahasa sama ada yang terdiri daripada pengkaji tempatan mahupun dari luar negara. Kebanyakan pengkaji lalu melihat kepada aspek-aspek tertentu, antaranya tempoh perkembangan bahasa Melayu klasik, bahan-bahan bukti yang ditemui seperti batu-batu bersurat, manuskrip-manuskrip, dan sebagainya, tokoh-tokoh yang terlibat dalam perkembangan zaman tersebut, dan sistem tulisan yang digunakan.

Selain itu, permasalahan ketiga yang dapat dinyatakan dalam kajian ini adalah ekoran daripada pandangan beberapa pengkaji dan pakar bahasa yang mengatakan bahawa perkembangan bahasa Melayu klasik memperlihatkan perbezaan dari segi tempoh masa. Ismail Hussein (1984) menyatakan perkembangan Bahasa Melayu klasik bermula pada abad ke-13 dan 14, iaitu pada zaman transisi atau peralihan daripada kuno ke klasik. Seterusnya Asmah Hj. Omar (1993) menyatakan Bahasa Melayu klasik adalah sekitar abad ke-14 hingga abad ke-17 dengan melihat melalui tiga faktor, iaitu perbendaharaan kata, nahu dan bunyi bahasa. Awang Sariyan (1998) pula menyatakan Bahasa Melayu klasik bermula pada abad ke-14 hingga abad ke-18 manakala Abdul Rashid dan Amat Juhari (2005) menyatakan Bahasa Melayu klasik bermula awal abad ke-14 hingga akhir abad ke-18. Dalam Teks Siri Pendidikan Guru bagi rujukan Pra-U Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) untuk subjek Bahasa Melayu rata-rata menyatakan bahawa Bahasa Melayu klasik bermula pada abad ke-14 hingga abad ke-19.

Keadaan ini menunjukkan bahawa kajian-kajian sebelum ini menimbulkan pelbagai persoalan dan pertikaian yang masih belum dijawab dengan berpada yang mungkin disebabkan oleh pendekatan dan pandangan yang berbeza-beza. Perbezaan-perbezaan yang ada dalam penentuan tempoh perkembangan bahasa Melayu klasik inilah yang menjadi permasalahan utama dalam kajian ini dan membawa pengkaji untuk mengemukakan kajian yang lebih berpada dengan menjadikan dapatan-dapatan kajian lepas ini sebagai panduan atau platform bagi membolehkan pengkaji mengisi kelompongan yang ada. Selain itu, kajian-kajian sebelum ini tidak mengemukakan pendekatan teori yang dapat mengukuhkan dapatan kajian mereka.

KAJIAN PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU KLASIK

Kajian awal telah dilakukan oleh Ismail Hussein pada tahun 1984. Beliau berpendapat bahasa Melayu klasik bermula abad ke-13 dan 14, iaitu pada zaman transisi atau peralihan daripada kuno ke klasik. Mengikut Ismail Hussein (1984:25), bahasa Melayu Klasik bermula sekitar abad ke-13 dan ke-14. Tetapi beliau menyebutnya sebagai zaman peralihan di seluruh kepulauan Melayu dengan kedatangan agama Islam. Bukti konkrit tentang bertapaknya Islam di Nusantara dari sudut sejarah diperoleh pada tahun 1292 M sewaktu Marco Polo melawat Sumatera Utara dan catatannya tentang pengislaman Pasai. Pada zaman peralihan dalam abad ke-13 dan ke-14 ini juga telah dijumpai beberapa prasasti dalam bahasa Melayu yang ditulis menggunakan huruf India tetapi bahasanya sudah

terdapat pengaruh bahasa Arab. Dengan penemuan prasasti tersebut, maka di sinilah bermulanya bahasa Melayu klasik.

Kajian seterusnya telah dilakukan oleh Asmah Hj. Omar pada tahun 1993 melalui kajiannya yang telah dibukukan, iaitu *Susur Galur Bahasa Melayu*. Menurut Asmah (1993:386), bahasa Melayu klasik adalah sekitar abad ke-14 hingga abad ke-17. Perbezaan antara bahasa Melayu kuno dengan klasik dilihat melalui tiga faktor, iaitu perbendaharaan kata, nahu dan bunyi bahasa. Kajian Asmah menyentuh perkaitan antara bahasa Melayu kuno, klasik dan moden yang ditulis dalam bab terakhir dalam kajiannya terhadap perbandingan sistem bunyi, perbendaharaan kata dan nahu dialek-dialek Melayu yang meliputi Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak. Hasil daripada perbandingan tersebut, beliau telah membuat rekonstruksi dalaman bagi setiap dialek-dialek tersebut. Justeru, hasil daripada dapatan tersebut, beliau telah mengategorikan tempoh zaman bagi setiap bahasa, iaitu bahasa Melayu kuno dan klasik.

Bahasa Melayu kuno merujuk kepada bahasa Melayu yang ditemukan dalam prasasti-prasasti di Sumatera Selatan dan Pulau Bangka, iaitu prasasti-prasasti di Telaga Baru, Karang Brahi, Kota Kapur dan Kedukan Bukit. Kesemua prasasti ini bertarikh pada abad ketujuh Masihi yang ditulis dalam zaman pemerintahan Sriwijaya. Bahasa pada abad ini tidak dapat difahami maksudnya. Bahasa yang ditulis dalam prasasti-prasasti tersebut adalah mewakili bahasa yang paling tua pernah dirakam. Bahasa tersebut didapati amat berbeza dengan bahasa Melayu pada abad ke-14 yang ditemukan di Kuala Terengganu serta bahasa yang tertulis dalam *Sejarah Melayu* yang bertarikh pada abad ke-17. Justeru, dengan bukti yang ditemukan ini, Asmah berpendapat bahawa bahasa Melayu klasik itu bermula pada abad ke-14 sehingga abad ke-17.

Kajian seterusnya dilakukan oleh Awang Sariyan pada tahun 1998. Menurut Awang Sariyan, bahasa Melayu klasik bermula abad ke-13 hingga abad ke-19. Bahasa Melayu klasik dikatakan merupakan tahap ketiga dalam periodisasi bahasa Melayu, sesudah bahasa Melayu Purba dan bahasa Melayu Kuno. Bahasa Melayu Klasik diasaskan sewaktu terdirinya kerajaan Islam pertama di sebelah timur Aceh, iaitu kerajaan Samudera-Pasai di bawah Sultan Malikul Salih. Bahasa ini merupakan kesan langsung kedatangan agama Islam dan kebudayaan Islam. Zaman permulaannya ditandai dengan kemunculan prasasti Terengganu yang bertarikh 702 Hijrah bersamaan dengan 1303 Masihi. Bahasa Melayu Klasik muncul dengan wujudnya tulisan Jawi, iaitu tulisan Arab berbahasa Melayu pada awal abad ke-14. Prasasti bahasa Melayu Klasik banyak terdapat di semenanjung Tanah Melayu seperti di Pengkalan Kempas, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Kelantan, Kedah dan beberapa tempat lain. Prasasti ini juga ditemui di Sumatera Selatan, Jambi, Riau, Sumatera Barat, Sumatera Utara dan Aceh.

Pada abad ke-13, peralihan bahasa berlaku ekoran daripada pengaruh yang dibawa oleh agama Islam ke Asia Tenggara. Kehadiran agama Islam ke Asia Tenggara banyak mempengaruhi perkembangan bahasa Melayu ketika itu terutama dari aspek kosa kata, struktur kata dan juga tulisannya. Peralihan bahasa Melayu Kuno kepada bahasa Melayu Klasik ini dapat dibuktikan dengan penemuan batu-batu bersurat seperti batu bersurat Minye Tujuh, Aceh (1390), iaitu batu bersurat pertama yang ditemui penggunaan kata-kata Arab seperti khalifah, nabi-nabi, Allah dan rahmat. Batu bersurat Pagar Ruyung pula mempunyai sedikit perbezaan dengan batu bersurat abad ke-7, iaitu dari segi bahasanya.

Dari segi fonologi, sistem bahasa Melayu klasik tidak dapat ditentukan kerana tiada data lisan. Kebanyakan data berbentuk tulisan dan ini menyukarkan pengesanan sebutan yang sebenar. Awang Sariyan mengatakan bahawa perlambangan bunyi vokal terbatas kepada tiga sahaja, iaitu i, a dan u (daripada vokal Arab alif, ya dan wau). Namun demikian dapat diandaikan bahawa bahasa Melayu klasik mempunyai enam bunyi vokal sebagaimana yang terdapat dalam bahasa Melayu, iaitu a, e pepet, e taling, i, o, dan u. Dari segi bunyi konsonan pula, dapat diandaikan bahawa bunyi konsonan bahasa Melayu Klasik sama dengan yang terdapat dalam bahasa Melayu Moden.

Selain itu, Abdul Rashid dan Amat Juhari juga telah memberikan pendapat mereka berkaitan bahasa Melayu klasik dalam penulisan mereka pada tahun 2005. Kedua-dua mereka mengatakan bahawa bahasa Melayu klasik bermula pada awal abad ke-14 hingga akhir abad ke-18 (2005:28). Zaman permulaan bahasa Melayu klasik ditandai dengan prasasti Terengganu yang bertarikh pada 702 Hijrah bersamaan dengan tahun 1303 Masihi. Prasasti ini menggunakan tulisan jawi sepenuhnya dan mempunyai kata-kata pinjaman daripada bahasa Arab. Bahasa Melayu klasik muncul dan terasing daripada bahasa Melayu kuno apabila penggunaan tulisan jawi wujud, iaitu tulisan Arab yang berbahasa Melayu pada awal abad ke-14. Sebelum itu, tulisan Arab hanya digunakan dalam bahasa Arab khususnya dalam penulisan ayat-ayat al-quran pada batu nisan. Bahasa Melayu klasik juga mendapat pengaruh kata pinjaman daripada bahasa Arab dan Parsi.

Bahasa Melayu klasik tersebar dan berkembang berbanding bahasa Melayu kuno sehingga mencapai tahap yang tinggi. Sehingga abad ke-17, bahasa Melayu telah menjadi bahasa utama di Asia Tenggara sehingga berjaya menjadi antara enam bahasa dunia Islam. Penganut Kristian juga turut menggunakan bahasa Melayu di kawasan Asia Tenggara dan pada masa yang sama, bahasa Melayu telah dibawa ke Sri Lanka dan Afrika Selatan oleh orang Melayu pada abad ke-17 dan ke-18 Masihi. Perkembangan bahasa Melayu klasik berakhir pada hujung abad ke-18 apabila muncul kebanjiran pendatang luar ke Asia Tenggara terutama dari barat khususnya orang Belanda yang ingin menguasai Asia Tenggara pada awal abad ke-19.

Secara umum, kebanyakan penulis dalam buku-buku rujukan Siri Pendidikan Guru, Teks Pra-U Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) menyatakan bahasa Melayu klasik bermula pada abad ke-14 hingga abad ke-19, iaitu bermula dari zaman batu Bersurat Terengganu sehingga zaman karya Abdullah Munsyi. Bukti pertama penggunaan bahasa Melayu klasik ada terdapat pada Batu Bersurat Kuala Berang, Terengganu. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas, tarikh yang tercatat pada batu bersurat tersebut adalah pada 4 Rejab, 702 Hijrah bersamaan 22 Februari 1303 Masihi (2015). Kebanyakan para pengkaji berpendapat bahawa bahasa yang terdapat pada prasasti tersebut menyamai bahasa Melayu klasik yang terdapat dalam buku *Sejarah Melayu*. Oleh yang demikian, batu bersurat itu boleh dikatakan menjadi titik permulaan Zaman Bahasa Melayu Klasik (2010).

Asmah telah melakukan satu kajian yang menyeluruh terhadap sebuah teks Melayu lama yang ditulis pada abad ke-16 yang bertajuk '*Aqai'id Al-Nasafi*'. Dalam kajian tersebut, Asmah telah menganalisis keseluruhan aspek bahasa yang digunakan dalam teks tersebut yang merangkumi aspek tulisan dan ejaan, morfofonemik, morfologi, kata depan, kata penghubung, kata wacana, sistem nahu, ayat dan wacana dan perbendaharaan kata. Kajian ini telah dibukukan dan dibahagikan kepada sepuluh bab.

Dapatan kajian ini menunjukkan berlakunya penghilangan unsur-unsur dan sistem-sistem tertentu dalam proses perkembangan bahasa Melayu dan menimbulkan serta mengukuhkan unsur dan sistem yang lain. Bukti penggunaan bahasa pada abad ke-16 ini telah menghilangkan keraguan tentang unsur dan sistem tertentu yang terdapat dalam bahasa Melayu moden berkaitan dengan unsur yang asli dengan tidak asli bahasa Melayu itu. Morfofonemik bahasa Melayu abad ke-16 ini memperlihatkan penambah yang bersengau dalam bahasa Melayu, iaitu wujudnya imbuhan *me-* dan *pe-*.

Sistem tulisan Jawi yang digunakan telah mengalami evolusi pada peringkat awal kerana sudah ada tambahan huruf cha, fa, nga dan nya. Huruf ga pula belum mempunyai lambang tersendiri. Dari segi perbendaharaan kata pula, bahasa Melayu abad ke-16 ini memperlihatkan terdapatnya kata serapan daripada bahasa Arab, Sanskrit, dan Parsi selain menggunakan kata Melayu asli. Kajian ini sememangnya bersifat menyeluruh dan menyentuh kesemua aspek tulisan dan ejaan, kosa kata dan tatabahasa, namun kelemahan kajian ini ialah Asmah hanya menganalisis teks 'Aqa'id Al-Nasafi sahaja untuk menggambarkan bahasa Melayu yang digunakan pada abad ke-16 tanpa membandingkan dengan karya atau teks yang lain. Tambahan pula tempoh abad ke-16 sahaja tidak cukup untuk memberi gambaran terhadap ciri-ciri bahasa Melayu klasik sedangkan tempoh perkembangan bahasa Melayu klasik adalah sekitar abad ke-13 hingga ke-19.

Selain kajian ini, Asmah juga mengkaji bahasa kesusasteraan klasik Kedah dengan menganalisis empat buah karya, iaitu *Syair Sultan Maulana*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Hikayat Terong Pipit* dan *Selindong Bulan Kedah Tua*. Kajian ini telah menunjukkan adanya butiran dalam sistem-sistem tertentu yang sudah gugur daripada penggunaan dialek Kedah dan bahasa Melayu moden. Berlaku juga devolusi kata penuh menjadi partikel atau kata kerja penuh menjadi kata bantu. Evolusi penggunaan aspek bahasa dan kemunculan sistem atau subsistem tertentu dari segi sosiolinguistik telah memberi evolusi terhadap peraturan-peraturan sosiolinguistik dialek Kedah.

Kesemua kajian-kajian lepas yang telah dipilih ini sangat penting bagi mengenal pasti kekuatan serta kelemahan yang akan menjadi titik tolak serta dapat dijadikan sandaran bagi kajian yang akan dilakukan.

KESIMPULAN

Perbincangan ini diharapkan akan dapat memberikan huraian yang mampu untuk merungkai satu lagi permasalahan bahasa dalam kosa ilmu linguistik. Kajian lanjut yang akan dilakukan juga diharap dapat memberikan penjelasan terhadap keraguan yang timbul terhadap perkembangan bahasa Melayu klasik. Pengkaji dapat mengemukakan hasil kajian yang berpeda dengan mengemukakan bukti-bukti kukuh yang berasaskan penerapan teori yang relevan. Selain itu, dengan adanya kajian ini pengkaji yakin akan dapat memberi satu lagi sumbangan dan penemuan baharu dalam ilmu linguistik dan bahasa Melayu di pelbagai peringkat pengajian sama ada di peringkat sekolah, institusi pengajian tinggi seterusnya secara umum kepada penutur bahasa Melayu.

RUJUKAN

Abdul Rashid dan Amat Juhari. 2005. *Sejarah bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributions.

- Asmah. 1991. *Bahasa Melayu abad ke-16: satu analisis berdasarkan teks Melayu Aqaid al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1993. *Susur galur bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. 1998. *Kesinambungan bahasa dalam kesusasteraan Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, et.all. 2010. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. 2015. *Tarikh Sebenar Batu Bersurat Terengganu*. Universiti Teknologi Malaysia: Kuala Lumpur.
- Wan Shamsuddin M. Yusoff. 1976. *Sejarah Sastera Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.